

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD LAI
BIN BUJANG**

[SIBUTI]

NO. SOALAN : 184

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar bagi kawasan berikut:

- a) Kampung Muhibbah Ladang Bekenu 3, Kawasan Rumah Panjang di Hulu Sibuti, Lambir, Kampung Opak, Lambir; dan
- b) Kampung Nusah, Bekenu, Kampung Jenggalas (perumahan), Bekenu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak JKR Sarawak juga telah mengemukakan cadangan untuk penyambungan paip ke Kampung Nusah, Bekenu dan Kampung Opak, Lambir untuk dipertimbangkan di bawah RMKe-11.

Pelaksanaan projek-projek tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pelaksanaan dalam RMKe-11 kelak.

Kementerian akan terus melaksanakan projek bagi memastikan semua penduduk luar Bandar dapat menikmati bekalan air yang sempurna. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah bergantung kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN).